

12 OCT 1997

Anwar-Belanjawan

BELANJAWAN 1998 -- SELAMAT TINGGAL ZAMAN KEMEWAHAN

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Untuk selama enam tahun berturut-turut, Datuk Seri Anwar Ibrahim dikagumi oleh menteri-menteri kewangan lain kerana telah berjaya membawa Malaysia menikmati pertumbuhan ekonomi sebanyak 8 peratus setahun.

Kecuali beberapa istilah "rumit" yang beliau selitkan untuk mewarnai ucapan belanjawan tahunannya, belanjawan yang dibentangkan oleh Anwar biasanya memberikan berita baik dan tidak banyak mengandungi perkara yang di luar dugaan.

Beliau biasanya bermurah hati dengan memberikan pelbagai insentif seperti menurunkan kadar cukai korporat dan cukai pendapatan serta memberikan peruntukan kepada projek-projek untuk membantu golongan miskin.

Bagi 850,000 kakitangan awam pula, mereka dihadiahkan dengan ganjaran satu bulan bonus sejak dua tahun lepas.

Tetapi apabila beliau membentangkan belanjawan tahunan ketujuhnyanya Jumaat ini, Anwar tidak lagi mampu untuk meneruskan ganjaran-ganjaran seperti yang diberikan dalam enam belanjawan sebelum ini.

Mesej yang akan beliau umumkan kali ini ialah -- selamat tinggal zaman kemewahan.

Ketika menghadiri persidangan Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa di Hong Kong bulan lepas, beliau berjanji untuk "memperbetulkan keadaan itu".

Kepantasan perubahan nasib ekonomi negara dalam tempoh tiga bulan lepas agak menakutkan dan hampir tidak terduga sama sekali.

Kesan daripada penurunan nilai mata wang Thailand pada Julai merebak ke Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara yang lain dengan begitu pantas dan tidak memberikan mereka peluang untuk mempertahankan diri daripada serangan spekulator mata wang yang menyusul selepas itu.

Serangan itu menyebabkan nilai Ringgit jatuh lebih daripada 20 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat dan menyebabkan kejatuhan lebih serius kepada Bursa Saham Kuala Lumpur.

Ketika pihak berkuasa mengambil pelbagai langkah untuk cuba membendung kesan daripada krisis Thailand itu, orang ramai hanya mampu melihat kegawatan yang melanda pasaran saham dan mata wang.

Malaysia dan rakyatnya kini "miskin" sekurang-kurangnya 20 peratus dan kadar kemajuan negara melangkah 10 tahun ke belakang, demikian menurut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dengan perkembangan itu, belanjawan yang akan dibentangkan oleh Anwar Jumaat ini dijangka mengandungi beberapa langkah untuk memperkukuhkan ekonomi dan mengembalikan keyakinan terhadap pasaran saham, kata penganalisis ekonomi.

"Belanjawan adalah alat dan senjata terpenting yang dimiliki oleh kerajaan bagi menangani masalah yang disebabkan oleh krisis mata wang sekarang," kata seorang penganalisis.

Langkah untuk memotong perbelanjaan operasi kerajaan sebanyak 2 peratus atau RM84 juta telah diumumkan tetapi beberapa langkah berjimat-cermat lain akan diumumkan dalam belanjawan nanti, kata beliau.

Tetapi langkah berjimat-cermat itu tidak bertujuan menyukarkan perjalanan jabatan-jabatan kerajaan yang menjadi penggerak kepada pembangunan sektor awam. Mereka sebaliknya perlu menyesuaikan diri dengan peruntukan yang lebih kecil tanpa menjejaskan kecekapan dan daya pengeluaran masing-masing.

Tidak terkecuali ialah pesanan kepada rakyat Malaysia supaya berdisiplin dalam soal kewangan masing-masing.

Pemotongan perbelanjaan kerajaan sebanyak 2 peratus baru-baru ini seolah-olah memberikan "kejutan budaya" kepada pihak terbabit, berdasarkan kepada jumlah rayuan yang diterima oleh Perbendaharaan daripada jabatan-jabatan kerajaan supaya mereka dibenarkan menganjurkan majlis dan seminar di hotel-hotel mewah.

Anwar sebelum ini berkata bahawa rayuan sedemikian tidak akan dilayan. Sebagai contoh, jabatan kerajaan tidak lagi dibenarkan menganjurkan seminar di hotel bertaraf lima bintang, sebaliknya mereka diarahkan supaya mengadakan majlis sedemikian di dewan-dewan persidangan milik kerajaan.

Kakitangan awam Malaysia, khususnya yang berpangkat tinggi, menikmati kemudahan yang begitu baik berbanding dengan rakan-rakan sejawatan mereka dari Amerika, Britain dan Singapura khususnya daripada segi kemudahan kereta rasmi.

Beberapa ratus kakitangan kanan awam dibekalkan dengan kereta Mercedes Benz dengan pemandu peribadi, keistimewaan yang tidak dinikmati oleh Menteri Kabinet Singapura ataupun Perdana Menteri India.

Jadi langkah kerajaan untuk hanya menyediakan kereta Proton Perdana kepada mereka dianggap wajar dalam keadaan krisis ekonomi sekarang.

Dr Mahathir, yang gemar menggunakan kereta Proton Perdana, berkata semalam bahawa tindakan itu tidak hanya terhad kepada langkah berjimat cermat sekarang tetapi ia akan diteruskan setelah keadaan ekonomi pulih kelak.

Seorang penganalisis berkata bahawa Anwar juga mungkin mengumumkan langkah menyeluruh untuk mengurangkan import, khususnya barangan mewah dan yang kurang perlu, di samping langkah-langkah untuk menggalakkan import dari negara-negara yang mata wang mereka meningkat tidak sebanyak kenaikan nilai mata wang Amerika atau Britain berbanding Ringgit.

Ia bertujuan mengurangkan defisit akaun semasa negara yang berjumlah RM13 bilion pada tahun lepas atau 5.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), satu daripada kelemahan utama dalam ekonomi negara yang secara keseluruhannya masih dianggap memiliki asas yang kukuh.

Sektor swasta juga tidak terkecuali daripada merasai kesan negatif daripada krisis ekonomi negara sekarang, dengan nilai modal syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) merosot sekurang-kurangnya RM500 bilion pada tahun ini sahaja.

"Zaman syarikat-syarikat swasta memberikan ganjaran bonus sebanyak sehingga 18 bulan gaji sudah berlalu," kata seorang penganalisis.

Setakat ini belum diketahui lagi sama ada terdapat sebarang syarikat yang terpaksa gulung tikar semasa pasaran saham dilanda krisis tetapi banyak syarikat dipercayai sedang menghadapi masalah.

Ketua pegawai eksekutif sebuah syarikat yang disenarai di BSKL menjangka belanjawan 1998 nanti sebagai "agak keras" bagi menangani masalah ekonomi tetapi menambah bahawa ia tidak seharusnya "terlalu keras."

"Ia tidak seharusnya terlalu keras kerana kita juga perlu mengambil kira kadar pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata sungguhpun sehingga kini perbelanjaan kerajaan adalah positif iaitu pendapatan kerajaan melebihi perbelanjaannya, belanjawan kali ini mesti menunjukkan kelebihan lebih ketara.

Sungguhpun penangguhan beberapa projek besar akan membantu memperbaiki keadaan itu, penganalisis itu bimbang bahawa ia akan menjejaskan keupayaan prasarana yang sedia ada.

Kerajaan juga perlu memberikan tumpuan kepada usaha untuk mengubah corak perbelanjaan orang awam di negara ini, yang disifatkan sebagai tidak sihat. Pengguna kini perlu bersiap sedia untuk menghadapi keadaan sukar di masa hadapan dengan mengamalkan tabiat berjimat cermat dan merancang

perbelanjaan mereka.

"Bagi sektor swasta yang menikmati pertumbuhan pesat sejak sedekad lepas, kita mungkin telah tiba pada satu titik tolak yang sangat kritikal," kata pegawai syarikat tadi.

Tetapi keadaan mula menunjukkan peningkatan sejak beberapa hari lepas, khususnya nilai Ringgit menunjukkan tanda-tanda pengukuhan dengan sentimen semakin baik.

Pada awal Oktober, nilai Ringgit jatuh kepada 3.41 berbanding US\$1 -- kadar paling rendah dalam sejarah -- tetapi meningkat kepada 3.03 Jumaat lepas.

Dalam tempoh empat hari minggu ini sahaja, nilai Ringgit meningkat sebanyak 50 peratus berbanding dengan nilainya pada awal bulan ini.

"Ia adalah kadar pemulihan yang menakjubkan. Jadi, pesanan Dr Mahathir supaya kita jangan berputus asa dan panik adalah tepat sekali. Proses pemulihan mungkin sedang berjalan," kata pegawai syarikat itu.

Seorang ketua bahagian perniagaan pertukaran mata wang asing di sebuah bank terkemuka berkata bahawa nilai ringgit dijangka meningkat pada suku pertama tahun depan.

"Saya menjangkakan ia akan mencapai paras 2.7 pada masa itu," kata beliau. Pada awal tahun ini, ringgit berada pada kadar 2.52 berbanding dolar, paras "tradisinya".

Dr Mahathir berkata semalam bahawa satu strategi sedang dirancang untuk membawa negara ini keluar daripada masalah ekonomi sekarang tetapi, katanya, beliau tidak boleh menerangkan mengenainya sekarang.

Jumaat ini, sebahagian besar daripada strategi itu akan diketahui. --

BERNAMA

AU MZ MAI